



Bagi menjamin keselesaan semasa berada di dalam bangunan Perpustakaan, sila patuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

1.Pastikan telefon bimbit berada dalam mod senyap ketika berada di dalam perpustakaan (penggunaan telefon bimbit untuk tujuan sms, akses internet dan sebagainya adalah dibenarkan.)

2.Apabila bercakap di telefon bimbit , pengguna perlulah menggunakannya di luar perpustakaan sebab pihak pengurusan kluatir pengguna tidak dapat mengawal suara sehingga mengganggu pengguna lain.

3.Bercakap dengan nada perlahan supaya tidak mengganggu pengguna lain.

4.Tidak tidur di dalam perpustakaan supaya ruang tersebut dapat digunakan kepada pengguna yang benar-benar mahu menggunakan perpustakaan.

5.Tidak menconteng dan mengoyakkan bahan bacaan sebab perbuatan tersebut menafikan hak pengguna lain untuk membaca.

6. Hanya makan & minum di ruang kafetaria yang disediakan. Membawa air minuman adalah dibenarkan & pengguna boleh minum di sebelah pintu masuk atau di luar perpustakaan.

7. Merokok, meludah, membawa binatang peliharaan dan melakukan perbuatan sumbang di dalam perpustakaan adalah dilarang sama sekali.

8. Tidak mengubah susunatur perabot dan peralatan supaya kekal kemas dan tidak mengelirukan pengguna lain.

9. Ibumama perlu membantu pihak pengurusan perpustakaan dengan mengawal anak-anak supaya mereka tidak mengganggu pengguna lain memandangkan ruang perpustakaan adalah terhad.

Perpustakaan tidak menyediakan perkhidmatan 'Pusat Perkhidmatan Penjagaan Kanak-kanak'. Untuk itu, ibumama adalah dilarang sama sekali meninggalkan anak-anak di perpustakaan tanpa pengawasan.

10. Di mana-mana jua tempat awam, gayakanlah pakaian yang sopan tetapi tidak menjolok mata.